

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB. SENATOR DATUK SERI SYED IBRAHIM BIN KADER
SMW,DPNS,DNS,AMN,JP

PROGRAM FUN WALK
ANJURAN PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU (PIBG)
SEKOLAH KEBANGSAAN PUTERI, SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tarikh : 05 November 2016 (Sabtu)
Masa : 10.15 pagi
Tempat : Sekolah Kebangsaan Puteri, Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh..
Salam Sejahtera & Salam Sehati Sejiwa.

Yang Berusaha, Dr. Zuraida binti Mohamed,
Yang Dipertua PIBG, Sekolah Kebangsaan Puteri,

Yang Berbahagia, Puan Nadiah Chin binti Abdullah,
Guru Besar Cemerlang, SK Puteri,

Yang Berbahagia, Wakil Pejabat Pendidikan Daerah Seremban,
Wakil Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan,
Wakil Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR),

Ahli-ahli Jawatankuasa PIBG SK Puteri, guru-guru, ibu bapa, murid-murid serta hadirin dan hadirat sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanawa Ta'ala kerana dengan izin-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini bagi Program Fun Walk anjuran PIBG SK Puteri. Saya amat berbangga dan berbesar hati kerana dijemput untuk merasmikan program ini yang mana antara objektif pelaksanaan *Fun Walk* ini adalah untuk mengutip dana bagi menampung perbelanjaan menjalankan pelbagai aktiviti murid-murid SK Puteri, dan membantu pihak sekolah dalam menambahbaik prasarana sekolah seperti menaiktaraf padang, Dataran Puteri serta usaha membaikpulih sekolah.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh Jawatankuasa PIBG sekolah ini atas usaha melaksanakan program yang

bermanfaat bagi pembangunan dan kemajuan anak-anak didik sekolah. Mudah-mudahan kerjasama erat ini akan berterusan pada masa akan datang antara pihak sekolah dan ibu bapa demi kemajuan sekolah dan murid-murid.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

3. Dalam proses membentuk anak-anak murid, peranan guru dan ibu bapa amat penting dalam mendukung matlamat, aspirasi dan cita-cita demi kemajuan mereka dan juga kualiti sekolah. Bidang sukan merupakan antara platform terbaik untuk melahirkan murid-murid yang cergas fizikal dan mental. Menerusi latihan yang konsisten dan seimbang daripada pelbagai aspek yang merangkumi minda, fizikal, otot, saraf dan emosi, sukan juga mampu membentuk seorang murid yang cergas, patuh dengan aturan dan secara tidak langsung memupuk mereka agar berhemah tinggi, bertanggungjawab, berdisiplin dan mempunyai jati diri yang kental serta mempunyai daya kepimpinan.

4. Penganjuran program sebegini khasnya, memerlukan komitmen dan usaha dari pihak PIBG dalam membantu sekolah serta murid-murid agar mereka dapat belajar dalam suasana yang kondusif. Keselesaan yang diberikan kepada murid-murid melalui infrastruktur yang sempurna dan mencukupi pasti akan dapat melahirkan murid-murid yang cinta dan sayang akan sekolah, dapat menimba ilmu dengan tenang, menggalakkan mereka untuk berfikir secara kreatif dan kritis serta lebih berdaya saing sekaligus meningkatkan kecemerlangan mereka.

5. Penganjuran Program *Fun Walk* pada hari ini yang disokong oleh badan-badan kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) harus dipuji kerana menggalakkan amalan gaya hidup sihat di kalangan murid-murid, warga sekolah dan ibu bapa berdasarkan aktiviti yang dijalankan pada hari ini.

6. Kita semua haruslah berganding bahu bersama-sama menyokong pihak sekolah sejajar dengan anjakan transformasi sistem pendidikan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, yang menekankan kerjasama ibu bapa, komuniti dan masyarakat setempat. Syabas saya ucapkan atas kerjasama dan sokongan agensi kerajaan yang terlibat menyokong kemajuan sekolah melalui aktiviti seumpama ini.

7. Saya amat berharap, melalui prasarana yang dinaiktaraf hasil sumbangan kutipan dana program ini, murid-murid akan lebih bermotivasi untuk cemerlang dalam pelajaran mereka. Semoga usaha mendidik dan melahirkan modal insan yang cemerlang mendapat rahmat dan keberkatan dari-Nya. Amin.

Justeru itu, saya dengan sukacitanya akan menyumbang sebanyak RM_____ bagi tabung derma tujuan program ini diadakan.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya selitkan dengan serangkap pantun;

***Anak kelah mudik beriringan,
Menjadi makanan ikan haruan;
Menang kalah adat pertandingan,
Semangat kesukanan tonggak kejayaan.***

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Fun Walk PIBG Sekolah Kebangsaan Puteri, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus bagi tahun 2016.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.